

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (65)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGAL 2014/2014-2015)
BILANGAN 1 TAHUN 2014**

Tarikh : 26 Februari 2014 (Rabu)
Masa : 9.30 Pagi – 12.23 Petang
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir : Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

Tiada

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

3.1 PELANTIKAN AHLI MAJLIS, MBPJ

Beliau mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Majlis MBPJ yang telah dilantik pada 19 Februari yang lalu. Beliau amat berharap agar semua Ahli Majlis dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh komited dan bersungguh-sungguh bagi memastikan keperluan dan ekspektasi penduduk Petaling Jaya dapat direalisasikan. Beliau turut berharap supaya Ahli Majlis dapat bersama-sama memberikan cadangan bernas dan berkesan, memperbaiki dasar sedia ada mengikut peredaran masa bagi memastikan *delivery system* kepada penduduk Petaling Jaya dapat dipertingkatkan lagi. Harapan beliau juga supaya Ahli-ahli Majlis dapat memberikan kerjasama yang terbaik terhadap Ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja mbpj.

Tadbir urus di Pihak Berkuasa Tempatan melibatkan pengasingan kuasa (separation of power) iaitu Legislative, Executive dan Judiciary (Badan Kehakiman).

Beliau mengingatkan peranan, tanggungjawab dan bidang kuasa Ahli Majlis berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah penggubal dasar Majlis, iaitu Ahli-ahli Majlis adalah tertakluk dalam bidang kuasa legislatif sahaja iaitu sebagai penggubal dasar-dasar Majlis. Manakala Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar dan pegawai-pegawainya menjalankan tugas dan tanggungjawab eksekutif.

Sukacita diingatkan kepada Ahli-ahli Majlis supaya aduan-aduan dibawa dan diselesaikan di peringkat jabatan atau di dalam mesyuarat jawatankuasa Majlis, dan tidak dibawa ke dalam Mesyuarat Majlis kerana Mesyuarat Majlis bertujuan untuk membuat keputusan dasar-dasar yang telah diputuskan.

3.2 JAWATANKUASA MAJLIS

Mengikut Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil. 1/2011, yang telah diterima pakai oleh Majlis, senarai jawatankuasa mesyuarat adalah seperti berikut:-

- 3.2.1 Jawatankuasa Kewangan,
- 3.2.2 Jawatankuasa Bantahan dan Nilai Harta,
- 3.2.3 Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan,
- 3.2.4 Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas,
- 3.2.5 Jawatankuasa Pengindahan Bandar,
- 3.2.6 Jawatankuasa Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat,
- 3.2.7 Jawatankuasa Pembangunan Mampan,
- 3.2.8 Pihak Berkuasa Melantik,
- 3.2.9 Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC),
- 3.2.10 Lembaga Tatatertib,
- 3.2.11 Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat,
- 3.2.12 Jawatankuasa Tender,
- 3.2.13 Jawatankuasa Sebut harga,

PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI MAJLIS DAN KEHADIRAN MESYUARAT

Beliau memaklumkan kepada semua Ahli Majlis, MBPJ bahawa setiap Ahli Majlis akan mendapat peruntukan sebanyak RM100,000.00 dan pengagihan sebanyak 30% adalah bagi aktiviti kemasyarakatan manakala 70% lagi untuk kerja-kerja infra mengikut zon masing-masing. Peruntukan ini boleh digunakan bagi kerja-kerja kecil penyelenggaraan kemudahan dan juga kerja-kerja sosial mengikut zon masing-masing. Perbelanjaan peruntukan ini hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Ahli Majlis hendaklah mengemukakan butiran permohonan yang lengkap dan jika perbelanjaan bagi program kemasyarakatan dan sumbangan kepada NGO/Badan Kebajikan/Institusi Agama, Ahli Majlis hendaklah mengemukakan butiran lengkap program tersebut, serta maklumat syarikat dan institusi yang terlibat dalam masa dua minggu.

Manakala bagi kehadiran mesyuarat Ahli Majlis pula hendaklah hadir mengikut masa yang ditetapkan, sekiranya hadir lewat dan keluar sebelum mesyuarat berakhir maka kehadiran tidak akan dikira. Waktu kehadiran dan waktu meninggalkan mesyuarat akan dicatat oleh urus setia mesyuarat. Perkara ini adalah penting disebabkan Ahli Majlis terlibat secara langsung dalam membuat keputusan atau dasar Majlis. Rekod ini juga akan dijadikan sebahagian dari prestasi Ahli Majlis yang perlu dihantar kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor. Saya sangat berharap agar Ahli Majlis MBPJ dapat melaksanakan tugas sebaik-baiknya dan memperlihatkan integriti yang tinggi.

3.4 PERBELANJAAN BERHEMAH, BAJET 2014

Fokus Bajet MBPJ bagi 2014 bertemakan PJ Lestari (PJ Sustainable PJ). Pembangunan lestari ini adalah pembangunan yang mengimbangkan dan mengintegrasikan pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial dan alam sekitar. Bagi memastikan pelaksanaan pembangunan lestari ini penglibatan dari sektor kerajaan, sektor swasta dan penduduk Petaling sangat diperlukan.

MBPJ telah memberikan fokus kepada lima (5) sektor pembangunan utama iaitu kemudahan prasarana, persekitaran mesra alam, pengurusan trafik efisien, gaya hidup lestari dan memperkasakan organisasi. Ke arah matlamat tersebut, penekanan akan diberikan kepada penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang bertaraf dunia bagi memenuhi ekspektasi masyarakat Petaling Jaya.

BAJET 2014

KATEGORI	2014 RM (JUTA)
Hasil	304,978,280
Belanja Mengurus	277,769,830
Belanja Pembangunan	46,550,060
Jumlah Perbelanjaan	324,319,890
Surplus/ (Defisit)	(19,341,610)

Demi meningkatkan kecekapan pengurusan trafik dan prasarana, Majlis komited meningkatkan kualiti kemudahan dan jaringan pengangkutan awam bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas. Ini termasuk memperuntukkan RM1 juta bagi mengadakan perkhidmatan bas pengantara, RM4.67 juta bagi menyediakan kemudahan *Park n Ride* di kawasan tadahan TOD serta RM6.09 juta bagi pembinaan laluan basikal dan pejalan kaki yang selamat, selesa dan mampu guna dengan iltizam mencapai modal *split* pengangkutan kepada 60:40 menjelang tahun 2030.

3.5 PERKHIDMATAN BAS PERCUMA PETALING JAYA

MBPJ akan meneruskan program tanggungjawab sosial kepada masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan bas percuma kepada penduduk Petaling Jaya mulai April 2014. Inisiatif ini merupakan kerjasama dengan syarikat pengendali pengangkutan awam iaitu RapidKL. Penyediaan bas ini adalah satu lagi inisiatif mengatasi masalah kesesakan jalan raya di Petaling Jaya. Sebanyak 10 buah bas akan disediakan bagi kemudahan penduduk Petaling Jaya, ke destinasi seperti sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan, pasar, stesen LRT dan hospital. Perkhidmatan bas ini akan melalui Jalan Yong Shook Lin, Jalan Sultan, Jalan Templer, Jalan Penchala, Jalan Semangat, Jalan Gasing, Jalan Othman serta sekitar Pusat Bandar Seksyen 52, PJ. Justeru itu, MBPJ berharap supaya semua penduduk PJ dapat memanfaatkan kemudahan yang disediakan ini. Inisiatif ini juga sebagai langkah untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam khususnya di kawasan Pusat Bandar.

KES DENGGI DI PETALING JAYA

Kesedaran mengenai wabak denggi serta usaha menanganinya masih rendah terutama di kalangan masyarakat kawasan bandar. Peningkatan jumlah kes ini disebabkan sikap segelintir masyarakat yang meletakkan amalan kebersihan sebagai perkara kedua. Terdapat 19 lokasi yang telah dikenalpasti wabak denggi seperti berikut:

BIL	TEMPAT	JUMLAH
1	Riana Green Kondo PJU 3	20
2	Sek 5 PJU 5	14
3	Sek 6 PJU 5	98
4	Apt Flora 2 PJU 8	18
5	Sek 4	8
6	Flat Tmn Medan Cahaya PJS 2C	13
7	Flat Desa Ria PJS 5	57
8	Flat Desa Mentari (2) PJS 6	57
9	Mentari Court 1 (A,B,C,D) PJS 8	177
10	Taman Sri Subang PJS 10	38
11	Tmn Dato HORMAT PJS 10	28
12	Ridzuan Kondo PJS 10	68
13	Taman Dato Harun	31
14	SS 2 (Selatan)	17
15	SS 3	18
16	Kelana Puteri Kondo SS 7	16
17	Ara Damansara PJU 1A	16
18	SS 22	20
19	SS 8 PJU 9	24
Jumlah Kes		738

MBPJ sentiasa mengambil langkah proaktif di dalam menangani masalah denggi ini. Bagaimanapun, usaha dan tindakan ini akan menjadi sia-sia sekiranya masyarakat sendiri tidak mengambil berat dan kurang prihatin terhadap kepentingan menjaga kebersihan.

Di samping itu juga, Majlis turut mengadakan taklimat di sekolah-sekolah untuk memberi penerangan kepada pelajar sekolah supaya mereka juga prihatin terhadap penjagaan kebersihan di rumah. Sebanyak 90 buah sekolah akan dilibatkan dalam sesi penerangan tersebut.

Beliau menyeru semua Ahli Majlis mengembleng tenaga bersama penduduk kawasan masing-masing untuk mengadakan gotong royong membersihkan kawasan masing-masing. Menjaga kebersihan adalah tanggungjawab bersama.

Majlis berharap orang ramai dapat membuat pemeriksaan sendiri di dalam dan kawasan persekitaran rumah. Ini kerana hasil pemeriksaan mendapati bahawa pembiakan nyamuk aedes ini kebanyakannya adalah di dalam rumah dan bukannya di luar kawasan rumah seperti longkang. Orang awam dinasihatkan untuk meluangkan masa selama 10 minit seminggu bersama keluarga untuk membersihkan rumah masing-masing.

3.7 KRISIS AIR NEGERI SELANGOR

Kerajaan Negeri Selangor telah mengumumkan catuan bekalan air secara berperingkat di Negeri Selangor mulai 25 Februari 2014. MBPJ telah menyediakan pelan tindakan krisis air bagi menghadapi situasi ini. Tindakan proaktif dilaksanakan dengan membuka Bilik Gerakan 24 jam bagi menangani masalah catuan air di kawasan Petaling Jaya.

MBPJ mempunyai 3 unit lori tangki air dan 18 unit tangki statik yang akan digunakan sepanjang tempoh krisis ini. Pelan Tindakan menangani isu air telah pun dimulakan dengan modus operandi seperti berikut:

- a) Membekalkan air menggunakan lori tangki sedia ada secara berjadual.
- b) Menempatkan tangki statik di kawasan kritikal.
- c) Membuat pengisian semula secara berjadual
- d) Menjalankan rondaan pemantauan air di lokasi tangki yang ditempatkan.

Bagi memastikan proses agihan air berjalan dengan lancar, pegawai-pegawai daripada Jabatan-jabatan terlibat akan bertugas mengikut bergilir-gilir dalam tempoh 24 jam. Sehubungan dengan itu, kepada semua Ahli Parlimen, ADUN, Ahli Majlis, Ketua-ketua Masyarakat, Ketua-ketua Kampung dan penduduk Petaling Jaya boleh mengemukakan permintaan bantuan bekalan air di talian Hotline 03- 79542020 untuk penyelarasan bantuan agihan.

Majlis juga telah mengeluarkan surat pemberitahuan kepada pengusaha-pengusaha perniagaan cuci kereta bagi mengurangkan waktu operasi sebagai langkah mengatasi masalah krisis air. Oleh yang demikian, semua pengguna domestik dan komersial adalah dinasihatkan supaya berjimat menggunakan air mengikut keperluan.

Beliau sangat berharap semua perancangan dan pelan tindakan dapat dilaksanakan dan dicapai dengan sokongan padu dan komitmen semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis serta seluruh masyarakat dan penduduk Petaling Jaya. Kesungguhan jentera pelaksana dapat mempertingkatkan kecekapan pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan agar kita terus relevan dan selari dengan keperluan, tuntutan serta kehendak rakyat.

3.8 UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA BEKAS AHLI MAJLIS

Tidak ketinggalan, beliau mengucapkan ribuan terima kasih dan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada bekas Ahli Majlis, MBPJ yang tidak dilantik pada penggal ini. Menurut beliau lagi walaupun tidak dilantik, idea dan sumbangan mereka masih diperlukan dan mereka boleh menyalurkan idea demi kepentingan dan pembangunan Petaling Jaya.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 12 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)

- 4.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 12 Tahun 2013 bertarikh 20 Disember 2013 telah diluluskan tanpa pindaan.

5.0 **LAPORAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 12 TAHUN 2013 BERTARIKH 20 DISEMBER 2013 (PENGKAL 2012/2013)**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN - Beliau berharap agar tiada keputusan baru ke atas kes berkaitan RTPJ1 dan RTPJ2 melainkan keputusan dan proses sedia ada.	Merujuk kepada pembinaan Lebuhraya KIDEX, pihak KIDEX dijangka akan membuat pameran awam pada awal bulan Mac 2014 di Lobi Menara MBPJ dan 'public hearing' pada 27 Mac 2014 di Dewan Banquet MBPJ.
7.2	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK MAHHARUL BIN ISMAIL - Beliau berharap agar kontraktor sampah yang tidak menjalankan kerja dengan betul di senarai hitamkan dan tidak dilantik semula.	Jabatan Kesihatan Persekitaran mengambil maklum akan cadangan Ahli Majlis dan pihak Jabatan sememangnya tidak berhasrat untuk melantik mana-mana Kontraktor yang telah ditamatkan perkhidmatan dahulu dan yang tidak mempunyai prestasi kerja yang memuaskan untuk lantikan Kontraktor yang akan datang.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.8	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ANTHONY SIVA BALAN A/L THANASAYAN - Beliau turut berharap agar semua kawasan Petaling Jaya dilengkapi dengan kemudahan terutama tempat letak kereta OKU sebagaimana kawasan yang diduduki oleh beliau iaitu di seksyen 5 dan seksyen 10. Beliau berharap agar perkara ini diambil perhatian serius sebelum penduduk membuat aduan.	Jabatan Kejuruteraan telah mendapatkan pandangan dari Jabatan Perancangan Pembangunan bagi mengenalpasti keperluan petak letak kereta Orang Kelainan Upaya (OKU) di kawasan-kawasan lain di Petaling Jaya. Maklumat hasil perbincangan tersebut akan dibawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis.
7.16	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL - Beliau turut melahirkan kekecewaan terhadap projek membaik pulih longkang di SS4 di mana projek tersebut telah menjangkau tiga (3) minggu akan tetapi masih belum siap sehingga sekarang.	Hasil perbincangan dengan Puan Cynthia Gabriel pada 17 Februari 2014, perkara yang dimaksudkan dalam perkara ini adalah mengenai kerja-kerja pembinaan 2 buah struktur penyurut halaju air hujan di dalam parit hujan lebat di SS 4C. Kerja-kerja tersebut akan dimulakan pada hujung Bulan Februari 2014. Menurut Puan Cynthia, maklumbalas yang diberi adalah bagi perkara lain dan menurut beliau lagi bagi perkara yang dibangkitkan telah selesai sepenuhnya.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 20 DISEMBER 2013.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (135)]

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 24 FEBRUARI 2014.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 (101)]

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan:-

6.9.2 tambahan bagi perkara 4.1.4 iii)

- iii) Manual Garis Panduan Perancangan di dalam Rancangan Tempatan tidak diwartakan bersekali dengan Peta Gunatanah. Garis Panduan Pelaksanaan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 1) dikeluarkan dari pewartaan.

6.9.3 tambahan bagi perkara 4.2.1

- iii) Manual Garis Panduan Perancangan di dalam Rancangan Tempatan tidak diwartakan bersekali dengan Peta Gunatanah. Garis Panduan Kawalan Perancangan Bagi Blok Perancangan Kecil (BPK)2.1 di mukasurat 7-1-25, Garis Panduan Kawalan Perancangan Bagi Blok Perancangan Kecil (BPK)2.2 di mukasurat 7-2-26, Garis Panduan Kawalan Perancangan Bagi Blok Perancangan Kecil (BPK)2.3 di mukasurat 7-3-26, Garis Panduan Kawalan Perancangan Bagi Blok Perancangan Kecil (BPK)2.4 di mukasurat 7-4-26, Garis Panduan Kawalan Perancangan Bagi Blok Perancangan Kecil (BPK)2.5 di mukasurat 7-5-26, Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 dikeluarkan dari pewartaan.

6.9.4 Berhubung dengan pembangunan TOD di dalam cadangan Draf RTPJ 1 (Pengubahan 2) dan draf RTPJ 2 (Pengubahan 1) mesyuarat telah membuat keputusan seperti berikut:-

- a) Pada dasarnya Ahli Majlis bersetuju dengan konsep TOD di bawah RTPJ 1 dan RTPJ 2. Walaubagaimanapun Ahli Majlis tidak bersetuju dengan cadangan pembangunan nisbah plot 6.0.
- b) Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan diminta untuk mengadakan taklimat berhubung pembangunan nisbah plot 6.0 kepada Ahli Majlis dan mengedarkan garis panduan nisbah plot untuk makluman.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

7.1 KERTAS CADANGAN JAWATANKUASA DAN CADANGAN KEAHLIAN MESYUARAT JAWATANKUASA MAJLIS PENGGAL 2014 (5 FEBRUARI 2014 SEHINGGA 31 DISEMBER 2014) DAN PENGGAL 2014/2015 (5 FEBRUARI 2014 SEHINGGA 31 DISEMBER 2015)

7.1.1 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan perkara yang dibincangkan seperti berikut:-

- a) Senarai jawatankuasa mesyuarat adalah sebanyak 13 jawatankuasa (termasuk tambahan dua jawatankuasa yang diluluskan diperingkat majlis) sebagaimana diputuskan mengikut Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil. 1/2011.

Setiap keahlian Jawatankuasa terdiri tidak lebih daripada dua belas (12) orang Ahli Majlis (termasuk Datuk Bandar) kecuali bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa yang keahliannya telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri seperti:-

- i) Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat
- ii) Jawatankuasa Tender

- iii) Jawatankuasa Sebutharga
- iv) Pihak Berkuasa Melantik
- v) Lembaga Tatatertib
- vi) Jawatankuasa OSC

- a) Pelantikan jawatankuasa mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Seksyen 28 dan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil 1/2011.
- b) Zon pembahagian kawasan Ahli Majlis 2014 dan 2014/2015.

7.1.2 Mesyuarat membuat keputusan seperti berikut:-

- a) Menerima 13 Mesyuarat jawatankuasa termasuk dua jawatankuasa tambahan.
- b) Melantik Ahli Majlis mengikut jawatankuasa seperti berikut:-

1) **JAWATANKUASA KEWANGAN**

BIL.	NAMA	PARTI
1.	YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad (Datuk Bandar - Pengerusi)	
2.	Haji Mohd Ghazali bin Daud	PAS
3.	Azri bin Mohd Arish	PAS
4.	Ir. Lee Suet Sen	DAP
5.	Tony Cheong Siew Thong	DAP
6.		DAP
7.	Mahharul bin Ismail	PKR
8.	Suriase a/l Gengiah	PKR
9.	Halimey bin Abu Bakar	PKR
10.		PKR
11.	Ang Min Ern	NGO
12.		NGO
13.		NGO

2) JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

BIL.	NAMA	PARTI
1.	YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad (Datuk Bandar - Pengerusi)	
2.	Haji Mohd Ghazali bin Daud	PAS
3.	Ir.Lee Suet Sen	DAP
4.	Tang Fui Koh	PKR
5.	Cynthia Gabriel	NGO

3) JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS

BIL.	NAMA	PARTI
1.	YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad (Datuk Bandar - Pengerusi)	
2.	Haji Mohd Ghazali bin Daud	PAS
3.	Azizi bin Ariffin	PAS
4.	Ir. Lee Suet Sen	DAP
5.	Tony Cheong Siew Thong	DAP
6.		DAP
7.	Y.M Raja Fairuz	PKR
8.	Suriase a/l Gengiah	PKR
9.	Dr.Streram a/l Sinnasamy	PKR
10.	Halimey bin Abu Bakar	PKR
11.		NGO
12.	Cynthia Gabriel	NGO
13.		NGO

4. JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN

BIL.	NAMA	PARTI
1.	YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad (Datuk Bandar - Pengerusi)	
2.	Azri bin Mohd Arish	PAS
3.	Ariffin bin Mahaiyuddin	PAS
4.	Teh Chi-Chang	DAP
5.	Jeyaseelan a/l T. Anthony	DAP
6.	Oon Chong Lin	DAP
7.	Suriase a/l Gengiah	PKR
8.	Dr. Streram a/l Sinnasamy	PKR
9.	Chiang Chian Fu	PKR
10.		NGO
11.	Sia Siew Chin A.M.W	NGO
12.	Cynthia Gabriel	NGO
13.		NGO

5) JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR

BIL.	NAMA	PARTI
1.	YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad (Datuk Bandar - Pengerusi)	
2.	Azri bin Mohd Arish	PAS
3.	Azizi bin Ariffin	PAS
4.	Oon Chong Ling	DAP
5.	Tony Cheong Siew Thong	DAP
6.	Teh Chi-Chang	DAP
7.	Mahharul bin Ismail	PKR
8.	Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan	PKR
9.		PKR
10.		NGO
11.	Sia Siew Chin A.M.W	NGO
12.		NGO
13.		NGO

SULIT

6) JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN,
PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT

BIL.	NAMA	PARTI
1.	YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad (Datuk Bandar - Pengerusi)	
2.	Hj. Mohd Ghazali bin Daud	PAS
3.	Ariffin bin Mahaiyuddin	PAS
4.	Azizi bin Ariffin	PAS
5.		DAP
6.	Jeyaseelan a/l T. Anthony	DAP
7.	Oon Chong Lin	DAP
8.	Tang Fuie Koh	PKR
9.	Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan	PKR
10.	Suriase a/l Gengiah	PKR
11.	Ang Ming Ern	NGO
12.		NGO
13.		NGO



SULIT

7. JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN

BIL.	NAMA	PARTI
1.	YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad (Datuk Bandar - Pengerusi)	
2.	Haji Mohd Ghazali bin Daud	PAS
3.	Azri bin Mohamad Arish	PAS
4.	Ir.Lee Suet Sen	DAP
5.	Tony Cheong Siew Thong	DAP
6.	Teh Chi Chang	DAP
7.	Tang Fuie Koh	PKR
8.	Mahharul bin Ismail	PKR
9.	Halimey bin Abu Bakar	PKR
10.	Chyntia Gabriel	NGO
11.	Sia Siew Chin A.M.W	NGO
12.	Ang Ming Ern	NGO
13.		NGO

8. JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT

BIL.	NAMA	PARTI
1.	Azizi bin Ariffin	PAS
2.	Teh Chi Chang	DAP
3.	Jeyaseelan a/l T. Anthony	DAP
4.	Dr. Streram Sinnasamy (PJS)	PKR
5.	Chyntia Gabriel	NGO

9. MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK

BIL.	NAMA	PARTI
1.	YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad (Datuk Bandar - Pengerusi)	
2.	Timbalan Datuk Bandar	
3.	Seorang Ahli Majlis yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat. Penggiliran bergantung kepada kehendak semasa dan pemilihan oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua	

10. LEMBAGA TATATERTIB

BIL.	NAMA	PARTI
1.	YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad (Datuk Bandar - Pengerusi)	
2.	Timbalan Datuk Bandar	
3.	Seorang Ahli Majlis yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat. Penggiliran bergantung kepada kehendak semasa dan pemilihan oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua.	

11. MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER
(PEMERHATI)

BIL.	NAMA	PARTI
1.	Ariffin bin Mahaiyuddin	PAS
2.	Chiang Chian Fu	PKR
3.		NGO
4.	Oon Ching Lin	DAP


**12. MESYUARAT JAWATANKUASA SEBUTHARGA
(PEMERHATI)**

BIL.	NAMA	PARTI
1.	Ariffin bin Mahaiyuddin	PAS
2.	Chiang Chian Fu	PKR
3.		NGO
4.	Oon Ching Lin	DAP

13. JAWATANKUASA BANTAHAN

BIL.	NAMA	PARTI
	YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad (Datuk Bandar - Pengerusi)	
	<u>Catatan:</u> Ahli Majlis akan bertukar mengikut kawasan bantahan	

- c) Menerima zon pembahagian kawasan Ahli Majlis 2014 dan 2014/2015 sebagaimana di kertas kerja perkara 5.2 Lampiran C sementara perbincangan semula kawasan pemantauan zon diantara Ahli Majlis (mengambil kira permohonan Ahli Majlis Encik Ariffin bin Mahaiyudin untuk ke zon 18).
- d) Bersetuju dengan persempadanan semula zon bagi zon 15, zon 16, zon 17 dan zon 18.



PELAN PEMBAHAGIAN KAWASAN AHLI MAJLIS TAHUN 2014/2015

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN**8.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN**

- 8.1.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memberi kepercayaan dan amanah kepada beliau dan rakan-rakan ahli majlis yang lain untuk menerajui MBPJ sebagai Ahli Majlis bagi penggal 2014 – 2015. Beliau amat berbangga kerana MBPJ mempunyai seorang Datuk Bandar yang memberikan sepenuh kerjasama demi pembangunan Petaling Jaya. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar kerjasama erat diantara Ahli Majlis dengan Datuk Bandar serta ketua jabatan dan warga kerja MBPJ diteruskan demi menangani cabaran-cabaran seperti sampah, longkang, TOD dan lain-lain permasalahan yang timbul.

**Tindakan : Semua Ahli Majlis MBPJ,
Semua warga kerja MBPJ.**

8.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH

- 8.2.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Pakatan Rakyat di atas pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis bagi penggal 2014/2015. Beliau mencadangkan agar MBPJ mengadakan taklimat terutama kepada Ahli Majlis baru berkaitan dengan proses dan prosedur-prosedur serta lawatan ke zon pemantauan Ahli Majlis. Selain daripada itu, perkenalan dengan Ketua Jabatan adalah amat penting agar ahli majlis baru dapat menyalurkan aduan atau permasalahan yang timbul kepada jabatan/bahagian yang berkaitan.
- 8.2.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa taklimat tersebut akan diadakan dengan segera. Selain itu, mesyuarat turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri turut mengadakan kursus untuk Ahli Majlis dari masa ke semasa.

Tindakan : Timbalan Setiausaha, MBPJ.

PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL

8.3.1 Beliau mengucapkan terima kasih di atas pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis. Beliau berharap agar Ahli Majlis baru dan lama bekerjasama untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya. Cabaran-cabaran sedia ada seperti 'public transport' telah dapat diatasi di mana MBPJ menyediakan perkhidmatan bas percuma kepada penduduk Petaling Jaya.

Tindakan : Makluman.

8.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG

8.4.1 Beliau gembira kerana dapat bersama-sama Ahli Majlis baru dan lama untuk sama-sama memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya. Beliau berharap agar semua ketua jabatan dan warga kerja MBPJ dapat memberikan kerjasama sepenuhnya kepada ahli-ahli majlis yang dilantik.

8.4.2 Beliau berharap agar Majlis dapat menangani krisis air yang sedang melanda di kawasan Selangor. Beliau berharap agar tangki-tangki air ditambah. Selain daripada krisis air yang melanda Petaling Jaya, masalah banjir juga perlu diberi perhatian serius di mana terdapat sesetengah kawasan dilanda banjir.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah Aduan Awam, MBPJ.**

8.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH

8.5.1 Beliau mengucapkan selamat datang kepada semua Ahli Majlis baru. Beliau berharap agar semua Ahli Majlis dapat membantu menjayakan program gotong royong yang akan diadakan di Damansara.

Tindakan : Semua Ahli Majlis, MBPJ.

8.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHIANG CHIAN FU

8.6.1 Beliau mengucapkan selamat datang kepada semua ahli majlis baru. Beliau berharap agar semua ahli majlis dapat bekerja bersama-sama untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya.

Tindakan : Semua Ahli Majlis, MBPJ.

8.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LIN

8.7.1 Beliau membangkitkan tiga perkara iaitu:-

- a) Meminta kontraktor pembersihan menghantar BQ baru (perbandingan dahulu dan sekarang) untuk dianalisa sebelum mesyuarat jawatankuasa mesyuarat bersidang.
- b) Beliau mengemukakan pertanyaan penduduk berkaitan saman yang akan dikeluarkan oleh MBPJ sekiranya terdapat tempat pembiakan jentik-jentik di rumah penduduk. Akan tetapi penduduk mempertikaikan bolehkah mereka menyaman MBPJ sekiranya kawasan pembiakan jentik-jentik tersebut adalah daripada saluran longkang dan taman permainan yang tidak diselenggara oleh Majlis.
- c) Polisi Majlis di mana sekiranya pemaju belum menyerahkan kawasan kepada majlis, MBPJ tidak akan membuat kutipan ke atas sampah terutama sampah kebun.

8.7.2 Akhir sekali beliau mengucapkan selamat datang kepada Ahli Majlis baru dan beliau memaklumkan beliau juga merupakan ahli majlis yang baru dilantik di MBPJ.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ,
Makluman.**

PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN DR. STRERAM A/L SINNASAMY

8.8.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang memberi kepercayaan kepada beliau untuk menjawat jawatan sebagai Ahli Majlis, MBPJ. Harapan beliau agar majlis dapat mengadakan sesi perkenalan di antara ahli majlis dengan ketua jabatan/bahagian dan taklimat untuk memudahkan beliau dan rakan-rakan ahli majlis baru memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya.

Tindakan : Timbalan Setiausaha, MBPJ.

8.9 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAIYUDDIN

8.9.1 Beliau memaklumkan bahawa beliau menggantikan Ustaz Ghazali bin Shaari untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk Petaling Jaya. Beliau berharap agar kerjasama sepenuhnya daripada ahli-ahli majlis dan warga kerja MBPJ diberikan untuk mencapai matlamat di atas.

Tindakan : Makluman.

8.10 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN SIA SIEW CHIN

8.10.1 Beliau memaklumkan inilah pertama kali beliau menyertai mesyuarat majlis. Terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah memberi peluang kepada beliau untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk Petaling Jaya. Beliau berharap agar mendapat kerjasama sepenuhnya untuk menjadikan Petaling Jaya bandar untuk semua. Kemudahan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) perlu ditingkatkan seperti stesen bas yang mesra OKU.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan.

8.11 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZIZI BIN ARIFFIN

8.11.1 Beliau memaklumkan pelantikan ini merupakan amanah Parti dan beliau amat berharap agar wujudnya kerjasama dari semua pihak bagi mencapai matlamat Petaling Jaya ke arah bandar lestari.

Tindakan : Makluman.

8.12 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR

8.12.1 Beliau mengucapkan selamat datang kepada semua Ahli Majlis termasuk diri beliau sendiri. Dari segi pengamatan beliau, YBhg. Datin Paduka Pengerusi adalah seorang yang pro aktif bagi menyelesaikan segala masalah yang timbul. Sehubungan dengan itu, beliau berharap dengan adanya kerjasama daripada semua segala permasalahan dan aduan dapat ditangani segera.

Tindakan : Semua warga kerja, MBPJ.

8.13 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TEH CHI CHANG

8.13.1 Beliau berharap agar Ketua Jabatan terutama Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar melihat semula tuntutan-tuntutan projek di dalam sistem adalah selaras dengan projek yang dijalankan bagi mengelakkan aduan daripada penduduk.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan
Bandar, MBPJ.**

8.14 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN Y.M RAJA FAIRUZ BINTI RAJA MAZLAN

8.14.1 Beliau bersyukur kerana dilantik untuk memberikan perkhidmatan sebagai Ahli Majlis. Menurut beliau sesi yang lepas beliau telah berkhidmat selama 4 bulan di zon 14 dan pada penggal ini beliau akan berkhidmat di zon 17. Harapan beliau agar kawasan pemantauan beliau iaitu PJS 1 dan PJS 3 akan menerima impak pembangunan positif memandangkan kawasan tersebut merupakan kawasan yang kekurangan pembangunan dan kemudahan.

8.14.2 Beliau turut mencadangkan agar Ahli Majlis lama yang baru berkhidmat 4 bulan di panggil untuk mendengar taklimat sekali memandangkan masih banyak perkara yang perlu dipelajari.

Tindakan : Timbalan Setiausaha, MBPJ.

8.15 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH AZRI BIN MOHAMAD ARISH

8.15.1 Beliau bersyukur dapat bekerjasama semula dengan warga kerja MBPJ demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar semua usul yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis di dalam Mesyuarat Jawatankuasa diambil perhatian dan tindakan segera. Menurut beliau lagi segala usul yang diutarakan adalah hasil daripada turun padang ke tempat-tempat yang dibangkitkan.

Tindakan : Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.

8.16 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN A/L T. ANTHONY

8.16.1 Beliau mengucapkan selamat datang kepada semua Ahli Majlis. Beliau turut menyokong perkara yang dibangkitkan oleh Puan Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan dimana menurut beliau kawasan PJU merupakan 'black area' dan seperti dianak tirikan dari segi pembangunannya.

8.16.2 Beliau turut mengharapakan agar YBhg. Datin Paduka

8.16.3 Pengerusi menjemput beliau dan rakan ahli majlis semasa membuat lawatan turun padang agar matlamat MBPJ untuk menjadikan Petaling Jaya bandar lestari tercapai hasil kerjasama bersama ahli majlis dan warga kerja mbpj.

**Tindakan : Semua warga kerja, MBPJ,
Pengarah Aduan Awam, MBPJ.**

8.17 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

8.17.1 Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberi kepercayaan untuk menjadi Ahli Majlis bagi penggal 2014/2015. Menurut beliau, ini merupakan amanah yang perlu dilaksanakan terutama kepada penduduk Petaling Jaya. Beliau berharap agar segala keputusan dibuat berdasarkan prosedur dan peraturan terutama yang melibatkan penguatkuasaan yang berterusan dan pendidikan berterusan kepada penduduk Petaling Jaya. Yang betul hendaklah diteruskan dan yang salah hendaklah diperbetulkan. Yang penting adalah kerjasama dan fokus matlamat yang hendak dibuat.

8.17.2 Tidak lupa ucapan terima kasih kepada YBhg. Datin Paduka dan warga kerja MBPJ dan apa yang penting adalah kita semua adalah sebuah pasukan yang kuat untuk menangani segala permasalahan yang timbul.

Tindakan : Semua warga kerja, MBPJ.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.23 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.



(PUASA BIN MD TAIB),
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 3 Mac 2014

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

01. YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Puasa bin Md Taib,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Tang Fuie Koh,
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Chiang Chian Fu,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Teh Chi-Chang,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Oon Chong Ling,
Ahli Majlis, MBPJ.

15. Tuan Dr. Streram a/l Sinnasamy, (PJS)
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Halimey bin Abu Bakar,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Azizi bin Ariffin,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Sia Siew Chin, A.M.W
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid,
Wakil Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.

10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Encik Abd. Muttalib bin Mohd. Ali,
Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Cik Norshabani binti Johari,
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ.
19. Puan Saliza binti Mohd. Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
20. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,
Penolong Pengarah Kanan (Korporat),
Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Encik Ho Fook Chuan,
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.
02. Encik Peter Chong,
Wakil Ahli Parlimen Subang.
03. Y.B Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.

SULIT

04. Encik Nor Azri Sulong,
Wakil ADUN Kota Damansara.

AHLI KO-OPT:

01. Encik Tuan Ruslan bin Tuan Mat dan
Encik Muhammad Zamani bin Othman,
Wakil Pengarah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Selangor.

URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



SULIT